

UMC Dalam Hesevi) 30/10/17c (smt) ms: 7  
Ekspokonvo medan promosi UMP

**KUANTAN 29 Okt.** - Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus memberi kepercayaan kepada mahasiswanya untuk mengelolakan penganjuran Ekspokonvo dengan diterajui oleh Majlis Perwakilan Pelajar UMP bagi memeriahkan majlis konvokesyen universiti berkenaan yang dijadual bermula 18 November ini.

Pelbagai acara menarik diataskan mulai 3 November ini dengan program kebudayaan Santai Seni di Dataran Pekan bakal membuka tirai Ekspokonvo yang merupakan acara tahunan yang dinanti bagi meraikan kejayaan penuntut universiti tersebut.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, kepercayaan yang diberikan kepada mahasiswa universiti ber-

kenaan adalah manifestasi komitmen berterusan pengurusan bagi memastikan penuntutnya menerima pengalaman kampus terbaik sepanjang pengajian mereka di situ.

Beliau berkata, penglibatan dalam gerak kerja Ekspokonvo mendedahkan para mahasiswa terhadap selok-belok pengurusan acara yang berkualiti dengan kemahiran komunikasi berkesan.

"Orang ramai digalakkan berkunjung dan mengambil bahagian dalam program yang dianjurkan sepanjang Ekspokonvo dan majlis konvokesyen di Kompleks Sukan UMP Gambang sekaligus membolehkan mereka mengenali UMP dengan lebih dekat.

"Penganjuran program ini juga merupakan medium pro-

mosi yang berkesan dalam memasyarakatkan UMP dengan komuniti setempat," katanya di sini hari ini.

Menurut Daing Nasir, terdapat lebih 60 gerai jualan dan ExpoBazar UMP untuk dikunjungi selain segmen pendidikan bagi pelajar termasuk Program *Spell It Right*, *Choral Speaking*, *Street Science @Gallery* dan Pertandingan Mewarna dan Pakaian Beragam khusus untuk kanak-kanak.

Aktiviti lain yang diadakan, kata beliau, termasuk pertandingan Memasak Masakan Pahang, hiburan dan keagamaan, program berbentuk cabaran seperti *Samyang Fire Noodle Challenge* serta makan buah-buahan bersama alumni universiti tersebut.